

Tajuk	PERMOHONAN PERUNTUKAN FASA UJICUBA PROSES PENGURUSAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN TABUNG AMANAH PEMBANGUNAN AKADEMIK UITM (TAPA) MELALUI PROGRAM RKB
Tarikh	November 2025 - Februari 2026
Latar Belakang Justifikasi	1. Program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) merupakan satu inisiatif yang bertujuan memastikan pentadbiran yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti, mengurangkan beban peraturan yang tidak wajar terhadap rakyat dan perniagaan, serta mencapai sasaran untuk meletakkan Malaysia di kedudukan 12 teratas dunia menjelang tahun 2033 di dalam laporan <i>World Competitiveness Ranking (WCR)</i> oleh IMD. 2. Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bil.5/2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 17 Disember 2024, semua Kementerian, termasuk Jabatan dan Agensi di bawahnya, telah diarahkan untuk melaksanakan 15 projek RKB pada tahun 2025. Bagi memastikan keberkesanan program ini, pendekatan <i>Whole of Government</i> (integrated) yang turut melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dilaksanakan, memandangkan isu-isu yang merentas pelbagai peringkat pentadbiran memerlukan penyelesaian yang lebih menyeluruh dan bersepadu. 3. Projek untuk UiTM Sarawak ini adalah Proses pengurusan permohonan dan kelulusan Tabung Amanah Pembangunan Akademik UiTM (TAPA) Pelajar. Dana ini ialah satu dana amanah yang diwujudkan oleh UiTM bagi mengumpul, mengurus, dan menyalurkan sumbangan atau peruntukan kewangan bagi tujuan pembangunan akademik pelajar. Namun proses permohonan dana ini secara manual dan dipenuhi dengan kesukaran birokrasi seperti keperluan mengisi borang bercetak yang panjang, pengesahan bertingkat daripada pelbagai pihak, pengumpulan dokumen sokongan yang banyak, serta masa menunggu yang lama sehingga mengganggu kelancaran dan melambatkan proses sebenar.

Tujuan: (Jangkaan OUTCOME setelah projek siap)	Tujuan: 1. Kertas cadangan ini dikemukakan bagi memohon kelulusan penggunaan peruntukan di bawah <i>Pekeliling Ujikaji Peraturan</i> bagi membiayai fasa ujicuba proses pengurusan permohonan dan kelulusan peruntukan TAPA menerusi langganan <i>Sistem Aplikasi & Pengurusan Aktiviti Pelajar UiTM Sarawak</i>. 2. Fasa ujicuba ini akan berperanan sebagai platform pendigitalan untuk menilai dan menguji keberkesanan pendekatan baharu dalam meningkatkan kecekapan proses kelulusan serta mengurangkan kerenah birokrasi pentadbiran aktiviti pelajar, selaras dengan objektif <i>Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)</i>. Outcome: 1. Tadbir urus yang lebih berkesan. 2. Menyumbang kepada pengurangan kos pematuhan peraturan sebanyak dianggarkan sekitar RM80,000 setahun. Kos ini bukan sahaja merangkumi penggunaan sumber manusia dan bahan bercetak, tetapi juga kos masa, ketidakcekapan operasi, kelewatan keputusan, dan risiko kehilangan data fizikal. 3. Pendekatan digitalisasi berpotensi mengurangkan kos ini kepada bawah RM10,000 setahun, sekali gus memberi penjimatan tahunan melebihi RM70,000 dan meningkatkan produktiviti serta ketelusan proses. 4. Mengurangkan proses birokratik yang berulang, sekali gus menyokong aspirasi lean governance, dengan pengurangan tempoh proses daripada 30 hari kepada hanya 7 hari. 5. Keterlibatan pihak berkepentingan: UiTM sebagai pelaksana, pelajar sebagai penerima manfaat, dan pihak pentadbir sebagai penilai impak. 6. Potensi replikasi: Jika berjaya, model ini boleh diperluas ke kampus UiTM lain atau institusi pendidikan tinggi awam.
---	---

Kaedah Pelaksanaan	<u>Fasa 1: Penilaian Awal</u> • Mengenal pasti isu / masalah • Pemetaan peraturan dan proses • Mengenal pasti data dan dokumen berkaitan • Sesi khidmat nasihat pengumpulan dan pengesahan data berkaitan <u>Fasa 2: Analisis dan Cadangan Penambahbaikan</u> • Analisa isu utama dan kenal pasti <i>Pain Points</i> • Cadangan model kerja baharu • Sesi khidmat nasihat pembangunan penyelesaian <u>Fasa 3: Ujikaji Peraturan dan Menginstitusikan Reformasi</u> • Pelaksanaan dan pemantauan melalui ujikaji proses permohonan • Langganan sistem dikendalikan oleh pembekal yang dilantik secara pemilihan 3 sebutharga. • Sistem dihoskan di pelayan/<i>server</i> UiTM Sarawak. • Latihan asas diberikan sebelum pelaksanaan penuh. • Termasuk sokongan teknikal & penyelenggaraan percuma 1 tahun. • Projek ini dipantau sebagai sebahagian daripada ujikaji peraturan di bawah program RKB.
Syor	Ahli Lembaga Pengurusan dipohon untuk mempertimbangkan cadangan Langganan Sistem Aplikasi & Pengurusan Peruntukan Aktiviti Pelajar Uitm Sarawak Melalui Program RKB anggaran peruntukan sebanyak Rm 50,000.00.

ANGGARAN PERBELANJAAN & CADANGAN MODULE LANGGANAN

Perkara	Peruntukan	Kategori	Nilai (RM)
LANGGANAN MODULE FASA UJICUBA PROSES PENGURUSAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN TABUNG AMANAH PEMBANGUNAN AKADEMIK UITM (TAPA) MELALUI PROGRAM RKB Module provided: i. Custom web-based system development ii. Mobile responsive design (usable on smartphones and tablets) iii. User registration and login (internal and external users). iv. Calendar view for check application v. Application submission and approval workflow vi. Dynamic admin controls (add/edit/delete) vii. Dashboard, reports (PDF/Excel), and activity logs System support service provided inclusive of: i. System error-corrections (if applicable) ii. Virtual or Physical Training Small System Enhancement. iii. System restore in case of system crash or fault iv. Email support 24/7 v. Pre-release System Training and Tutorial (per session), 1-day training (max of 3 hours)	RKB	P29107	50,000.00
Jumlah (RM)			50,000.00